

14 OCT 1998

DR MAHATHIR RASMI HARI PERPADUAN KEBANGSAAN

SHAH ALAM, 14 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan sambutan Hari Perpaduan Kebangsaan yang bertemakan "Kita Bersatu Ekonomi Maju".

Dr Mahathir dijangka menyampaikan amanat kepada kira-kira 2,500 orang yang mewakili jabatan dan agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, pertubuhan politik, agama dan sukarela, dewan perniagaan, warga tua, orang kurang upaya, golongan remaja dan kanak-kanak dari seluruh negara yang hadir pada sambutan itu.

Turut hadir pada sambutan yang berlangsung di Dewan Jubli Perak di sini ialah Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datin Paduka Zaleha Ismail dan Menteri Besar Selangor Datuk Abu Hassan Omar.

Antara program sambutan ialah pembacaan ikrar Rukun Negara dan pernyataan sokongan kepada Perdana Menteri dan kerajaan dalam menangani masalah ekonomi, persembahan pantomim oleh Tabika Perpaduan Negeri Selangor, deklamasi puisi dan pameran mengenai aktiviti Jabatan Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Sementara itu, dalam kata-kata aluannya pada buku aturcara sambutan, Perdana Menteri berkata, perpaduan rakyat adalah kunci kepada kestabilan dan kemajuan sesebuah negara dan ia menjadi semakin penting jika rakyat negara itu terdiri daripada pelbagai kaum dan agama, budaya dan bahasa berbeza seperti rakyat Malaysia.

"Kita tidak harus mudah terpengaruh dengan muslihat sesetengah pihak untuk menimbulkan huru-hara dalam negara kerana kepentingan peribadi mereka," katanya.

-- BERNAMA

RAZ PR